

PM: Kami tahu Zaini terlibat Al-Qaeda

UM-13/2/2006

KUALA LUMPUR 12 Feb. – Kerajaan Malaysia lebih dahulu mengetahui mengenai penglibatan seorang rakyat negara ini dalam perancangan serangan kali kedua ke atas Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, bahkan jurutera, Zaini Zakaria telah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebelum Presiden AS, George W. Bush mengeluarkan sebarang kenyataan dan dakwaan mengenai penglibatannya dalam kumpulan Al-Qaeda.

“Bagaimanapun saya tidak perlu menghuraikan mengenai tahanan tersebut tetapi yang pasti ia berada dalam tahanan ISA.

“Ini bermakna badan risikan negara telah berjaya mendahului dalam mengesan sebarang penglibatan rakyatnya dalam perancangan siri keganasan,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian The Sentul Park Koi Centre (Pusat Ikan Koi Sentul Park) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai dakwaan Bush bahawa seorang jurutera Malaysia didakwa direkrut oleh kumpulan Al-Qaeda sebagai juruterbang untuk melakukan serangan kedua terhadap AS.

Zaini Zakaria, 38, antara lima yang ditahan mengikut ISA pada 2002 telah

Zaini Zakaria, 38, antara lima ditahan mengikut ISA pada 2002 telah menarik diri apabila menyaksikan kemusnahan teruk serangan pada 11 September 2001

menarik diri apabila menyaksikan kemusnahan teruk serangan pada 11 September 2001 terhadap World Trade Centre, di New York.

Abdullah menjelaskan bahawa dakwaan Bush terhadap penglibatan Zaini berasaskan sistem risikan dan soal siasat terhadap tahanan anggota-anggota Al-Qaeda.

“Daripada siasatan yang dijalankan itu, didapati beberapa nama yang dipercayai terlibat dalam perancangan serangan kali kedua terhadap AS termasuklah nama rakyat Malaysia itu.

“Bagaimanapun, individu yang disyaki itu telah berada dalam tahanan ISA sebelum Bush membuat sebarang dakwaan mengenai penglibatan Zaini,” katanya.

Sementara itu, apabila ditanya mengenai permintaan kerajaan Denmark untuk membantu mengurangkan ketegangan di negara-negara Islam berikutan penyiaran karikatur menghina Nabi Muhammad

oleh akhbar negara itu, *Jyllands-Posten*, Abdullah enggan mengulas.

“Wisma Putra masih belum menerima sebarang surat rasmi yang meminta bantuan Malaysia bagi mengurangkan ketegangan di negara-negara Islam.

“Oleh kerana belum mendapat sebarang pengesahan mengenai permintaan bantuan itu, maka saya tidak mahu komen apa-apa, kita tunggu sehingga surat itu sampai,” katanya.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu, Menteri Luar Denmark, Per Stig Moeller menelefon beliau untuk meminta bantuan itu.

Dalam pada itu, Abdullah turut memberitahu bahawa Syed Hamid belum memberitahunya mengenai mesyuarat tergepar Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi membincangkan kesan penyiaran karikatur berkenaan secara langsung kepada negara-negara Islam.